

# **Islamophobia dan Dasar Kepresidenan Amerika Syarikat (2001-2017)**

***Islamophobia and the United States Presidential Policy (2001-2017)***

Muhammad Jamal Asyraf Jamaluddin  
Muhamad Takiyuddin Ismail

Program Sains Politik  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

taki@ukm.edu.my

## **ABSTRAK**

*Penyebaran sentimen kebencian dan prejudis terhadap umat Islam bukanlah perkara baru di Barat. Di Amerika Syarikat khususnya, propaganda Islamophobia yang dikaitkan dengan elemen ekstremisme dan radikalisme telah bermula sejak sekian lama tetapi semakin tersebar luas selepas serangan pengganas ke atas bangunan World Trade Center pada 11 September 2001. Fokus utama kajian adalah untuk menelusuri pelaksanaan dasar oleh Presiden Bush, Obama dan Trump serta impaknya terhadap perkembangan naratif Islamophobia dalam kalangan masyarakat di Amerika Syarikat bagi tempoh 2001-2017. Kaedah kualitatif meliputi kajian kepustakaan merupakan metod yang digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian merumuskan bahawa Islamophobia bukanlah satu-satunya faktor signifikan dalam politik kontemporari, bahkan impaknya dianggap tidak begitu mendalam untuk mempengaruhi dasar kepresidenan Amerika Syarikat. Islamophobia adalah instrumen politik yang dikonstruk oleh pihak pemerintah untuk mewujudkan perspektif negatif terhadap Islam dan Muslim sekaligus menjadi agenda untuk menjustifikasi tindakan Barat dalam ‘perang menentang keganasan’. Hal ini secara tidak langsung dapat menjelaskan mengapa Islamophobia turut dipengaruhi oleh sikap dan karektor seseorang penyandang kuasa.*

**Kata kunci:** Islamophobia, dasar kepresidenan Amerika Syarikat, ekstremisme, konstruktivisme, agenda politik

## **ABSTRACT**

*Hatred and prejudice against Muslims is gaining ground in the West. In the case of the United States of America, Islamophobic propagandas underlain by extremism and radicalism intensified after the attack on World Trade Center on 1 September 2001. This study observes policies implemented by three US presidents i.e. George W. Bush, Barack Obama, and Donald Trump vis-à-vis their impact on the construction of Islamophobic narrative within the society throughout 2001 to 2017. This paper use qualitative approach particularly library research. This study argues that Islamophobia is not a significant factor in contemporary US politics and has low influence on the policy-making of the three presidents. Islamophobia is used as a political instrument by the government to construct a negative perspective on Islam and Muslim as a justification for ‘war against terrorism’ especially during Bush’s presidency. This may indirectly explains why Islamophobia is also influenced by the attitude and characteristics of the President.*

**Keywords:** *Islamophobia, United States presidential policy, extremism, constructivism, political agenda*

## 1. Pengenalan

Pengalaman Amerika Syarikat mendepani ketidaktentuan politik sama ada melibatkan isu-isu domestik mahupun krisis antarabangsa dilihat banyak mencorakkan perjalanan politik mereka. Pasang surut politik Amerika semenjak pasca Perang Dingin sehingga kini membayangkan persekitaran mereka semacam mempengaruhi pelaksanaan undang-undang dan pembuatan dasar-dasar awam. Melihat kepada rentetan sejarah, tragedi runtuhan World Trade Centre pada 11 September 2001 merupakan bukti yang signifikan dalam mencontohkan perubahan dasar luar Amerika. Lebih dikenali dengan nama 9/11, peristiwa ini memperlihatkan Presiden George Bush mengisyiharkan perang ke atas negara Islam berikutan ancaman pengganas yang dikatakan didasari oleh militan Islam, al-Qaeda (Nazrul 2005). Kesan langsung peristiwa ini adalah melahirkan kebencian terhadap Muslim di samping mewujudkan budaya ketakutan dalam atmosfera politik. Akibatnya, masyarakat memberikan tanggapan negatif terhadap negara-negara dan umat Islam sehingga memunculkan istilah Islamophobia. Sikap prejudis yang disebarluaskan sejak serangan 9/11 akhirnya telah menciptakan stereotaip yang mana sikap anti-Islam semakin memuncak di kebanyakan negara Eropah (Amnesty International 2012: 12).

Dalam pada itu, kejayaan Amerika Syarikat mengharungi Perang Dingin telah meletakkan satu tanda aras baharu dalam politik antarabangsa apabila runtuohnya legasi pemerintahan *Union of Soviet Socialist Republics* (USSR) pada tahun 1991 menyaksikan Amerika menjadi satu-satunya kuasa besar dunia ketika itu. Pengalaman ini dilihat antara faktor dominan yang banyak mempengaruhi aspek budaya, politik dan ekonomi Amerika Syarikat sepanjang tempoh suku kedua bagi abad ke-20. Selain mengekalkan hegemoni kuasa, Amerika pasca Perang Dingin boleh dihujahkan menerima manfaat yang besar dalam konteks geopolitik disebabkan keupayaan mereka untuk mengendurkan pengaruh komunisme seterusnya melemahkan ideologi berhaluan kiri ini. Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa sikap ragu-ragu Amerika Syarikat terhadap mana-mana negara, kerajaan mahupun bangsa pada masa ini seharusnya tidak berlaku kerana tidak ada sebarang bentuk ancaman atau musuh yang benar-benar mendatangkan kebimbangan kepada mereka.

Namun begitu, andaian ini ternyata meleset apabila muncul fenomena baharu dalam kalangan masyarakat yang membicarakan tentang perasaan takut dan prejudis mereka terhadap Islam. Agama Islam sering kali dimomokkan sebagai sebuah ajaran yang ekstrem dan radikal manakala penganutnya pula diinterpretasikan sebagai ganas, tidak siuman dan berbahaya. Walaupun tiada bukti kukuh tentang dakwaan ini, anggota masyarakat khususnya di Amerika Syarikat secara berterusan memberikan tanggapan yang negatif terhadap Islam. Persepsi ini kemudian mewujudkan satu generalisasi umum bahawa semua umat Islam adalah pengganas menyebabkan perasaan panik mula menyelubungi persekitaran sosial. Ungkapan “Islamophobia” – istilah yang diguna pakai bagi menggambarkan rasa takut dan fobia terhadap Islam menjadi semakin popular dalam kalangan sarjana. Tambahan pula, pengalaman mereka mengharungi peristiwa 9/11 seolah-olah membenarkan dakwaan yang menghubungkaitkan Islam dengan aktiviti ekstremisme dan radikalisme.

Penolakan dan keraguan masyarakat terhadap Islam dizahirkan melalui tinjauan berdasarkan pandangan awam yang mendapati penilaian umum masyarakat tentang Islam dan Muslim mengalami penurunan sebanyak 10 peratus daripada 47% pada tahun 2001 kepada 37% pada tahun 2010. Walaupun dianggarkan sekitar enam juta penganut agama Islam, perkembangan Islamophobia dianggap sebagai kritikal dan memerlukan solusi segera memandangkan isu ini tidak hanya menular ke Amerika Syarikat, sebaliknya juga ke negara-

negara lain khususnya di Barat (Ogan et al. 2014: 28). Kertas kerja ini secara asasnya membincangkan tiga objektif. Objektif pertama adalah untuk menelusuri sejarah dan latar belakang Islamophobia di Amerika Syarikat. Objektif kedua pula menghuraikan tentang sifat prejudis terhadap Islam yang diterjemahkan melalui pelaksanaan dasar dan pembuatan keputusan negara. Manakala objektif ketiga pula berfokus kepada menganalisis impak Islamophobia terhadap masyarakat di Amerika Syarikat.

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur artikel ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, penjelasan berhubung perspektif yang akan melandasi kajian ini iaitu teori konstruktivisme. Kedua ialah sorotan berhubung kajian-kajian lepas.

Teori konstruktivisme adalah salah satu falsafah yang menekankan bahawa pengetahuan dibina dan dibentuk oleh manusia berdasarkan pengalaman dalam kehidupan sosial. Dalam konteks ini, pengetahuan yang terbina adalah sesuatu keadaan baharu yang terbentuk hasil gabungan pengalaman-pengalaman selektif manusia yang tidak menggambarkan realiti dunia sebenar. Sebaliknya, pengetahuan adalah hasil daripada pembinaan kognitif melalui aktiviti tertentu yang membolehkan manusia menstruktur, mengkategorikan, mengkonsepkan dan memetakan pengalaman untuk membentuk idea-idea yang baharu. Brooks & Brooks (1993) memberikan definisi konstruktivisme dengan menyatakan, “*...constructivism is not an instructional strategy to be deployed under appropriate conditions. Rather, constructivism is an underlying philosophy or way of seeing the world...*”. Tambahnya, beliau berpendapat bahawa konstruktivisme lebih tertumpu kepada fundamental falsafah dan bukannya berkisar tentang strategi pembelajaran. Teori konstruktivisme menjelaskan bahawa manusia membina, membentuk dan memberikan makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baharu kepada sesuatu yang mereka telah fahami sebelum ini. Manusia membentuk peraturan melalui refleksi mereka terhadap objek dan idea. Hal ini disebut dengan jelas dalam penulisannya yang menyatakan:

*...creates and then attempts to fit over the realities of which the world is composed. The fit is not always very good. Yet, without such patterns the world appears to be such an undifferentiated homogeneity that man is unable to make any sense out of it... (Brooks & Brooks 1999: 24)*

Selain pandangan di atas, definisi teori konstruktivisme dapat dilihat berdasarkan padangan Piaget yang menegaskan bahawa pengetahuan dapat dibangunkan dalam konteks pemikiran manusia melalui asimilasi dan akomodasi (Dahar 1989: 159). Asimilasi diberikan takrifan sebagai proses penyerapan informasi baharu dalam tingkat pemikiran manusia manakala akomodasi adalah proses menyusun kembali struktur pemikiran sedia ada kerana wujudnya informasi baharu (Ruseffendi 1988: 133). Akomodasi dalam maksud yang lain juga boleh ditafsirkan sebagai proses mental untuk menstruktur dan membentuk pengetahuan baharu yang bersesuaian dengan rangsangan atau memodifikasi pengetahuan sedia ada sehingga mampu menepati rangsangan yang terhasil daripada pengalaman tersebut (Suparno 1996: 7). Manusia membentuk peraturan dalam kehidupan melalui interaksi sosial yang mana mereka akan memberikan refleksi atau tindak balas terhadap sesuatu idea atau objek. Apabila bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang dirasakan tidak mempunyai apa-apa makna, maka mereka akan sama ada menginterpretasi apa-apa yang dilihat supaya bersesuaian dengan peraturan-peraturan yang telah dibentuk atau menyesuaikan peraturan tersebut agar dapat menerangkan maklumat baharu ini dengan lebih baik. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain, sebaliknya, setiap manusia akan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih.

Definisi konstruktivisme menurut Mc Brien dan Brandt (1997) pula adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan sarjana bersetuju dengan pendapat beliau yang menghujahkan setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain. Pandangan ini seakan-akan hampir sama dengan definisi yang dilontarkan oleh Nik Aziz (1999) yang menjelaskan konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Hal ini bermakna, sesuatu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif dari luar.

Berdasarkan definisi dan pengertian makna di atas, dapat disimpulkan bahawa teori konstruktivisme secara umum mengandaikan bahawa pengetahuan manusia pada hari ini terbentuk dan terbina daripada idea, maklumat atau informasi yang terkumpul berdasarkan pengalaman mereka menjalani interaksi sosial dalam kehidupan. Meneruskan perbincangan ini, andaian bahawa istilah Islamophobia adalah satu bentuk pemikiran yang dikonstruksi oleh masyarakat dilihat mempunyai merit kerana istilah ini tidak diguna pakai oleh mana-mana ahli akademik sehingga tahun 1990-an (Shooman & Spielhaus 2010:199) apabila muncul satu stereotaip dalam masyarakat yang menggambarkan keadaan umat Islam. Namun begitu, penggunaan istilah Islamophobia ketika ini hanya digunakan secara teori oleh para sarjana dan tidak memasuki wacana utama penyelidikan. Sejak peristiwa serangan pengganas pada September 2001, istilah Islamophobia mula digunakan secara meluas oleh penyelidik anti-Islam dan media arus perdana sebagai propaganda untuk menggambarkan ketakutan dan kebencian terhadap umat Islam akibat kesan trauma peristiwa 9/11.

*Islamophobia did not start in the wake of 9/11...the phenomena has substantially increased [since then] and has evolved to become an explicit, almost anti-Semitic style criticism of Islam and Muslims without in fact being acknowledged as such...*

(Anas 2011: 144)

Bertitik tolak daripada peristiwa 9/11, Islamophobia dihujahkan sebagai pembentukan ideologi untuk mewujudkan satu bentuk ketakutan, sikap prejudis atau perasaan benci terhadap penganut agama Islam yang telah disemai ke dalam jiwa Amerika Syarikat melalui imperialism dan nasionalisme (Sheehi 2011: 31). Sikap diskriminasi Barat terhadap Muslim menunjukkan betapa pengalaman yang berhasil daripada serangan pengganas telah mengubah pandangan dan pendirian masyarakat. Pada masa yang sama, perkembangan dan pengaruh fenomena ini lebih daripada sekedar wacana tentang perbezaan budaya semata-mata, tetapi turut bercakap tentang *political forces* di sebaliknya (Sunaina Maira 2011: 109).

Elemen tersebut dapat diteliti dari dua perspektif berbeza. Pertama, peranan kuasa politik diterjemahkan sebagai aparat untuk memberikan kesedaran nasionalisme kepada negara-negara Islam supaya bangkit menentang rejim pemerintah yang menindas dan melakukan diskriminasi terhadap umat Islam. Selain itu, kuasa politik ini menuntut tindakan agresif menentang kumpulan militan yang mengatasnamakan aktiviti keganasan sebagai konsep Jihad. Hal ini diterangkan berdasarkan sokongan Rusia terhadap idea Jihad dan pembebasan negara yang membawa kepada penyertaan Muslim dalam Perang Dunia Pertama (WWI) selain bantuan yang diberikan oleh Amerika Syarikat kepada Mujahidin Afghanistan pada tahun 1980-an (Gilborn 2006: 318-340). Kuasa politik dalam konteks ini berperanan untuk membentuk satu kepercayaan *universal* yang memberikan tanggapan negatif terhadap umat Islam. Secara tidak langsung, kaedah tersebut dapat menanam benih-benih kebencian yang menyebabkan masyarakat kerap mengidentifikasi Muslim sebagai pengganas kerana ideologi ini telah dibentuk sejak sekian lama.

Kedua, kuasa politik sebagai punca kuasa untuk menjalankan imperialism bagi tujuan mengukuhkan hegemoni kuasa negara. Pembentukan propaganda dalam struktur

masyarakat tentang bahaya umat Islam telah berjaya mewujudkan segmentasi dan jurang perbezaan yang ketara dalam hubungan Barat-Islam. Pemupukan ideologi Islamophobia telah mengubah reaksi dan cara berfikir Amerika Syarikat apatah lagi semenjak berlaku serangan pengganas 9/11 yang dipertanggungjawabkan kepada ekstremis Islam, Al-Qaeda. Identifikasi yang dipupuk menyaksikan sentimen kebencian semakin tersebar luas sekaligus membuka peluang kepada Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq atas nama memerangi keeganasan. Umat Islam yang menjadi kambing hitam akibat munculnya stereotaip Islamophobia sejak 9/11 terpaksa menghadapi pelbagai tekanan daripada Barat khususnya Iraq apabila kerajaan Bush mengisyiharkan perang ke atas mereka pada tahun 2003.

Melihat perspektif di atas, artikel ini berhujah bahawa Islamophobia merupakan satu ideologi atau fahaman yang direka cipta oleh dunia Barat untuk memberikan tanggapan negatif terhadap dunia Islam. Dalam perkara ini, Barat seolah-olah ingin mewujudkan budaya ketakutan dalam sosial dan politik masyarakat khususnya di Amerika Syarikat hingga melahirkan rasa benci dan sikap prejudis. Diskriminasi yang berlaku menyaksikan pengaruh Islamophobia semakin berkembang selepas tahun 2001 yang mana berlaku perubahan dalam pelaksanaan undang-undang dan dasar negara. Oleh hal yang demikian, teori konstruktivisme akan digunakan sepanjang penulisan ini sebagai asas yang akan menghubungkan permasalahan kajian dengan dapatan akhir.

Kajian-kajian berhubung Islamophobia bergerak merentasi politik antarabangsa. Penulisan oleh John L. Esposito (2002) dalam *What Everyone Needs to Know about Islam* menghimpunkan pelbagai persoalan berkaitan dengan agama Islam. Secara umumnya, karya ini banyak menyentuh tentang praktis ajaran agama Islam dalam kehidupan manusia, menganalisis sebab-musabab sesuatu amalan itu diperlakukan berdasarkan hujah-hujah daripada Al-Quran, mengkaji secara kritis perbezaan antara Islam dengan agama-agama lain dan menghuraikan undang-undang Islam dalam konteks politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, Esposito juga ada membincarkan sedikit tentang Muslim mengikut perspektif Barat di samping memaparkan cabaran yang terpaksa ditempuh oleh umat Islam di Barat pada akhir penulisannya. Walaupun karya ini tidak menumpukan kepada konsep Islamophobia keseluruhannya, tetapi cukup untuk memberikan pendedahan awal tentang bagaimana ajaran Islam itu disalahertikan oleh masyarakat Barat.

Selain itu, himpunan penulisan oleh beberapa orang sarjana Barat yang disunting oleh John L. Esposito dan Ibrahim Kalin (2011) dalam *Islamophobia: The Challenge of Pluralism in the 21st Century* juga merupakan karya yang relevan sebagai rujukan utama kajian ini. Kerangka utama penulisan Esposito dan Kalin merujuk kepada konsep Islamophobia terhadap masyarakat *multiculturalism* selain membincangkan tentang perbezaan perkembangan Islamophobia di Amerika Syarikat dengan negara-negara Eropah yang lain. Untuk itu, beliau mencantohkan beberapa buah negara seperti Belanda, Austria, Jerman dan United Kingdom berkaitan perkembangan sikap prejudis dan diskriminasi terhadap umat Islam di sana. Seterusnya, penulisan ini juga menyentuh perbincangan mengenai polisi dan dasar Amerika Syarikat di bawah pentadbiran George Bush pasca peristiwa 9/11 dan tindakan politik Presiden Obama dalam menghadapi kemarahan umat Islam berikutan manifestasi stereotaip terhadap Muslim sehingga munculnya naratif Islamophobia.

Karya seterusnya adalah berkaitan dengan *Islam, 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions* yang ditulis oleh Nazrul Islam (2005). Penulisan ini memberikan fokus terhadap tragedi runtuhan World Trade Centre pada 11 September 2001 yang juga dikenali sebagai peristiwa 9/11. Dalam hal ini, Nazrul cuba untuk menghubungkan perkaitan antara serangan 9/11 dengan konsep terorisme bagi melihat sejauh mana ancaman pengganas memberikan kesan terhadap komuniti Islam di Barat. Selain itu, beliau juga membincangkan salah faham yang wujud dalam kalangan masyarakat tentang penggunaan istilah fundamentalis Islam, jihad dan *Islamic terrorism* yang akhirnya mengakibatkan

munculnya sikap prejudis dan kebencian terhadap umat Islam. Penulisan ini membantu pengkaji untuk menganalisis landskap politik Amerika Syarikat pasca 9/11 walaupun penulisan ini secara keseluruhannya tidak langsung menyentuh tentang implikasi perlaksanaan dasar-dasar awam terhadap perkembangan Islamophobia.

Di samping itu, kajian lepas yang turut menjadi rujukan pengkaji ialah *Managing Ethnic Diversity After 9/11: Integration, Security, and Civil Liberties in Transatlantic Perspective* hasil suntingan oleh Ariane Chebel d'Appollonia dan Simon Reich (2010). Secara umumnya, penulisan ini banyak membincangkan tentang isu-isu berkaitan integrasi masyarakat, keselamatan negara dan kebebasan awam. Dalam konteks ini, d'Appollonia dan Reich ada menyentuh tentang penggubalan polisi dan dasar negara serta *legitimate coercion* atau pemaksaan praktis undang-undang terhadap golongan minoriti dengan mencontohkan beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Britain dan Itali. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji menilai sejauh mana perlaksanaan dasar-dasar awam memberikan impak terhadap masyarakat sivil di Amerika melalui rujukan dan pembacaan ini.

Peter Gottschalk dan Gabriel Greenberg (2008) dalam penulisannya bertajuk *Islamophobia: Making Muslims the Enemy* pula menjelaskan tentang pertembungan antara tamadun Barat dengan tamadun Islam yang menjadi punca kepada peningkatan ketegangan dan kebimbangan rakyat Amerika terhadap budaya Muslim. Sejarah hitam peristiwa 9/11 seolah-olah memberikan pengalaman dan iktibar kepada masyarakat Barat mengenai hubungan mereka dengan umat Islam. Bertitik tolak daripada perkara ini, keraguan, ketakutan, kebencian dan sikap prejudis terhadap agama Islam semakin menebal dalam diri mereka sehingga memunculkan stereotaip dalam kalangan masyarakat. Natijahnya, permusuhan Islam-Barat semakin memuncak menyebabkan penyelesaian tentang persoalan Islamophobia seakan tiada noktahnya.

Akhir sekali, kajian bertajuk *Homeland Insecurity: The Arab-American and Muslim American Experience after 9/11* oleh Louis Cainkar (2009) membicarakan tentang pengalaman kolektif oleh bangsa Arab (Muslim dan bukan Muslim) yang tinggal di metropolitan Chicago. Melalui kajian sosiologi dan etnografi, Cainkar berjaya menyediakan data konkret untuk menyokong hipotesis bahawa bangsa Arab mengalami ketidaktentuan perasaan berikutan persekitaran sosial yang dianggap tidak selamat pada tahun-tahun berikutnya selepas peristiwa 9/11. Satu tema signifikan dalam kajian ini adalah layanan buruk yang dialami oleh *Arab American* tidak berlaku dalam keadaan vakum atau tersembunyi, sebaliknya diterjemahkan secara eksplisit. Hal ini disandarkan kepada dapatan kajian yang mendapati stereotaip orang Arab sebagai bangsa yang ganas telah menjelaskan punca kekacauan di Timur Tengah sepanjang abad ke-20 ini. Secara tidak langsung, mudah bagi masyarakat untuk menilai dengan menjadikan mereka kambing hitam yang akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa aktiviti keganasan.

Umumnya, artikel ini cuba menghubungkait perkembangan Islamophobia dengan dasar kepresidenan Amerika Syarikat – negara yang disifatkan menjadi tumpuan utama penyebaran Islamophobia. Ia akan mengisi sumbangan kajian-kajian sebelumnya dengan melihat perkembangan terkini Islamophobia di bawah Presiden Obama dan Trump.

### 3. Metodologi

#### *Skop Kajian*

Fokus untuk kajian ini ditumpukan kepada Amerika Syarikat. Namun demikian, kajian ini tetap akan mencontohkan beberapa negara luar bagi tujuan menilai perkembangan Islamophobia di Amerika Syarikat berdasarkan hubungan diplomatik dan kerjasama antarabangsa khususnya di negara-negara Islam seperti Afghanistan, Iraq, Indonesia dan lain-lain. Tempoh masa kajian pula dikehujuskan bermula dari tahun 2001 iaitu ketika era

kemuncak Islamophobia meletus di Amerika Syarikat akibat peristiwa serangan pengganas pada 11 September (9/11), transisi yang berlaku disebabkan oleh pertukaran rejim pada tahun 2009 dan perkembangan Islamophobia dalam konteks politik kontemporari sehingga tahun 2017. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memfokuskan tempoh masa perubahan rejim semasa pentadbiran Presiden Obama dan Trump kerana tahun ini dihujahkan signifikan untuk menganalisis perkembangan Islamophobia dalam kalangan masyarakat berdasarkan dasar awam yang dilaksanakan.

#### *Tata Cara Pengumpulan Data*

Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini meliputi pengumpulan data dalam bentuk kajian kepustakaan. Dari segi kutipan data melibatkan peratusan dan nilai angka, maklumat tersebut diperoleh daripada sumber sekunder seperti buku-buku ilmiah, jurnal akademik, dokumentasi, majalah, makalah, akhbar dan beberapa bahan lain yang berkaitan. Dalam pada itu, sumber rujukan daripada laman sesawang dan berita atas talian tidak boleh diketepikan memandangkan kajian ini juga menyentuh perbincangan mengenai isu-isu kontemporari yang mana agak terhad akses untuk mendapatkannya dalam bentuk bercetak.

#### **4. Dapatan dan Perbincangan**

##### *Sejarah Kemunculan Islamophobia*

Islam dan Muslim dari perspektif Barat banyak dikaitkan dengan aktiviti keganasan seperti Osama bin Laden, peristiwa 9/11, pengebom berani mati serta idea-idea yang berkaitan dengan penindasan terhadap manusia termasuklah jihad, perlaksanaan undang-undang Syariah, pemakaian hijab dan sebagainya. Istilah Islamophobia pula sering digunakan untuk menyatakan konotasi yang negatif, iaitu sebagai istilah yang memberikan tanggapan salah terhadap Islam. Bagi tempoh beberapa dekad yang lalu, Islamophobia telah menjadi fundamental kepada perbincangan akademik mahupun politik dan telah muncul secara malar dalam polemik Barat. Akan tetapi, munculnya istilah ini tidak lari daripada bentuk kritikan terhadap penggunaannya oleh pelbagai orang yang memberikan takrifan dan definisi berbeza dalam perspektif yang cukup luas sehingga mewujudkan semacam kontroversi mengenai epistemologi sebenar. Seperti yang dinyatakan oleh Cesari (2006: 6), istilah ini tidak digunakan secara tepat untuk fenomena rawak yang bersifat abstrak tetapi banyak berkisar tentang *xenophobia*<sup>1</sup> (Helbling 2012: 1) dan sikap *ethnocentrism*<sup>2</sup> yang menebal.

Bagi kebanyakan sarjana, tiada garis masa khusus yang menentukan sejarah kemunculan dan penggunaan Islamophobia bagi merujuk maksud takut atau benci terhadap agama Islam. Namun demikian, mereka bersetuju bahawa istilah Islamophobia pertama kali muncul dan diguna pakai pada awal tahun 1900-an manakala perkembangannya pula mula dibahaskan sekitar penghujung tahun 1990. Penggunaan Islamophobia pertama kali direkodkan pada tahun 1910 oleh seorang pengarang bagi Kementerian Koloni Perancis, Alain Quellien yang menerbitkan karya bertajuk *Muslim Politics in Western Africa (La Politique Musulmane dans l'Afrique Occidentale Française)*. Quellien dalam karyanya menyatakan persepsi negatif pihak kolonial yang menghubungkaitkan budaya dan kepercayaan konservatif seperti amalan perhambaan dan poligami sebagai acuan Islam yang bertentangan dengan norma kehidupan moden adalah satu bentuk diskriminasi terhadap agama. Menurutnya, tindakan provokatif ini bertujuan untuk melindungi penduduk koloni daripada menerima pengaruh Islam selain memastikan perkembangan ketamadunan diatasnamakan sebagai tanggungjawab kolonialisme (Bruckner 2015: 7-8).

Selain itu, sumber kesusasteraan Amerika menunjukkan bahawa ungkapan ini mula digunakan di Perancis oleh Etienne Dinet dan Slima Ben Ibrahim pada tahun 1925 walaupun

Kamus Bahasa Inggeris Oxford mencadangkan istilah itu mula-mula digunakan dalam bentuk cetakan pada tahun 1991 oleh majalah *Insight*. Dinet dan Ibrahim menulis ungkapan ‘*accès de délire islamophobe*’ dalam penulisannya tentang Nabi Muhammad, akan tetapi, istilah Islamophobia tersebut tidak pula membawa definisi negatif yang mencerminkan konsep atau penggunaannya seperti mana yang dibincangkan di dalam politik kontemporari (Allen 2010: 5). Perkara ini dijelaskan melalui bukunya yang diadaptasi ke dalam bahasa Inggeris yang mana perkataan *Islamophobie* diterjemahkan sebagai ‘perasaan yang tidak bermoral kepada Islam’ dan bukannya Islamophobia yang merujuk kepada nilai kebencian dan sikap prejudis (Richardson 2013: 10).

Melihat perkara ini, istilah Islamophobia dihujahkan lebih konsisten dibangunkan dalam bahasa Perancis berbanding pengalihan kata ke dalam bahasa Inggeris yang hanya bersifat *sporadic* dan tidak menyeluruh. Walaupun penulisan yang diadaptasi daripada perkataan Perancis selepas 1920-an dilihat lebih terbuka, namun kelemahan dalam aspek rujukan awal seolah-olah membawa kepada kesalahtafsiran tentang idea sebenar berkaitan Islamophobia. Hal ini secara tidak langsung telah mendedahkan istilah ini kepada penyelewengan makna dan pemahaman dalam konteks mewujudkan persekitaran sosial yang penuh dengan prasangka, prejudis dan diskriminasi.

#### *Islamophobia di Amerika Syarikat*

Sejak awal abad ke-21, Islam dikonotasikan sebagai agama yang signifikan di benua Eropah yang mana tumpuan dan perhatian terhadapnya semakin meningkat disebabkan penghijrahan berskala besar oleh imigran dari negara-negara Islam. Jumlah penduduk di bahagian Eropah Barat yang beragama Islam secara purata direkodkan antara 10 hingga 15 juta orang manakala dianggarkan sebanyak lima peratus daripada keseluruhan 425 juta penduduk dalam Kesatuan Eropah adalah Muslim (Modood 2003: 100-115; Cesari 2010: 10). Di Amerika Syarikat pula, penduduk beragama Islam yang menetap adalah sekitar empat hingga tujuh juta orang (Smith 2010: 29) yang dijangka meningkat jumlahnya dari semasa ke semasa. Pertambahan angka saban tahun menyaksikan jumlah penduduk dunia yang menganut ajaran Islam semakin berkembang menyebabkan struktur sosial dan politik berevolusi dengan pantas.

Di kebanyakan negara Eropah Barat, Islam telah menjadi agama ketiga terbesar (Helbling 2012: 2) yang mana kehadiran imigran dari pelbagai negara menyaksikan mereka mula menuntut persamaan hak yang setaraf dengan warganegara khususnya dalam soal kebebasan beragama. Sukar bagi masyarakat Barat untuk menerima kerana sebahagian besar kebudayaan, adat-istiadat dan ritual keagamaan Islam dilihat bertentangan dengan norma sosial masyarakat yang mendukung ideologi liberal sekular, apatah lagi penduduk Muslim kini dikatakan mula mendominasi ruang awam. Di Amerika Syarikat, sebaliknya, perbezaan agama sering dilihat sebagai jambatan kepada penyatuan dan bukannya penghalang (Clark et al. 2010: 19). Hal ini dihujahkan berdasarkan pegangan mereka yang percaya bahawa Amerika sendiri adalah sebuah negara yang ditemui dan dibina oleh imigran asing. Tambahan pula, prinsip yang terkandung dalam petikan “...We hold these Truths to be self-evident, that all Men are created equal, that they are endowed by their Creator with certain unalienable Rights, that among these are Life, Liberty and the Pursuit of Happiness...” oleh pengasas kemerdekaan Amerika Syarikat dalam *Declaration of Independence* (1776) merupakan antara inti pati yang mengikat hubungan sosial masyarakat (Spalding 2011: 3-4). Oleh hal yang demikian, kemajmukan dimiliki menyaksikan masyarakat berbilang bangsa di Amerika Syarikat terasimilasi antara satu sama lain, justeru, agak sukar untuk menggoncang kesepadan yang terbina sejak sekian lama.

Namun demikian, konotasi ini mulai goyah bila mana Amerika dikatakan cuba menyebarluaskan hegemoni di Timur Tengah melalui pengaruhnya terhadap Israel. Campur

tangan dan sokongan Amerika ke atas kependudukan Israel di Semenanjung Gaza hingga tertubuhnya negara Yahudi sedikit sebanyak mengganggu-gugat hubungan baik Barat-Islam. Prasangka antara kedua-duanya terus menginjak pada tahap membimbangkan apabila Amerika Syarikat melihat Islam sebagai agama yang terlalu *superior* taktala Islam khususnya rakyat Palestin menuduh mereka sompong dan berniat jahat. Sentimen yang dimainkan oleh Amerika Syarikat pula menyaksikan sikap prejudis terhadap Islam semakin meluas termasuk dakwaan yang menggambarkan Muhammad sebagai pengasas agama yang jahat, dunia Islam yang dikelilingi oleh despotisme, kemiskinan ekonomi dan lain-lain. Korelasi yang tidak dapat dielakkan antara Islam dan keganasan muncul dalam naratif ini berdasarkan catatan Smith (1852) yang menyatakan, “...*The conceived infraction of a single law that emanates from the Koran rouses them to fury; and the first thought is, to slaughter those who have dared to frown or ridicule upon the sacred institutions of Moslemism...*”. Seperti mana Smith, Jessup (1879) turut cuba menghubungkan Islam dengan elemen keganasan, iaitu, “...*Whenever Islam holds the sword it uses it for the oppression and humiliation of all infidels...*” (Fink 2014: 30-31).

Selanjutnya, tindakan Amerika Syarikat memulakan campur tangan di Timur Tengah untuk mengekalkan hegemoni dan pengaruhnya membangkitkan penentangan oleh golongan nasionalis dan reformis. Peranan Amerika selaku tangan ghaib di belakang tabir dikatakan seolah-olah ‘mengawal’ aktor politik dengan menjadikan mereka boneka pemerintahan negara. Hujahan ini dicontohkan melalui penggulingan pemerintahan Mohammad Reza Shah Pahlavi dalam Revolusi Iran (1979) akibat kegagalan memulihkan ekonomi negara sehingga mewujudkan kadar inflasi yang tinggi. Beliau yang dianggap pro-Barat dikatakan cuba menjalankan dasar Baratisasi dan sekularisasi dalam pentadbirannya melalui kaedah tradisional. Perkara yang sama turut menimpa negara-negara Islam seperti Arab Saudi, Kuwait, Qatar dan lain-lain yang ‘diikat’ oleh Amerika Syarikat melalui *petrodollar*, iaitu melibatkan kerjasama ekonomi dalam sektor minyak dan gas khususnya petroleum. Di Iraq, sebaliknya, Amerika gagal melemahkan rejim Saddam Hussein yang memihak kepada blok komunisme sekaligus menyaksikan mereka sering kali menerima tekanan supaya tunduk kepada telunjuk Barat. Perang Teluk Pertama (1990) misalnya memperlihatkan bagaimana Amerika membantu sekutunya, Kuwait menyerang balas Iraq yang melakukan serangan dan pencerobohan ketenteraan sebagai tindak balas terhadap keengganannya tunduk kepada proksi Amerika.

### *Perbincangan*

Kemuncak sentimen kebencian dan sikap prejudis terhadap agama Islam ditandai oleh peristiwa 11 September 2001 melibatkan serangan pengganas ke atas bangunan World Trade Center yang dikatakan didalangi oleh kumpulan militan Islam, al-Qaeda. Peristiwa ini yang juga dikenali sebagai tragedi 9/11 adalah serangan terancang rampasan pesawat penerbangan komersial melibatkan *American Airlines Flight 11* dan *United Airlines Flight 175* yang mensasarkan bangunan World Trade Center di New York serta *American Airlines Flight 77* di Pentagon. Pesawat *United Airlines Flight 93* yang sepatutnya menuju ke Washington D.C. pula sebaliknya gagal melaksanakan misi mereka apabila berlaku perebutan antara pengganas dengan penumpang yang menyaksikan pesawat tersebut terhempas di Stonycreek Township berdekatan dengan Shanksville, Pennsylvania (National Commission on Terrorist Attacks upon the United States 2010: 1-14). Serangan yang didakwa didalangi oleh 19 anggota kumpulan militan Islam, al-Qaeda ini telah mengorbankan hampir 3,000 orang (Martin & Duignan 2003: III), mencederakan 6,000 orang yang lain selain menyebabkan jumlah kerosakan infrastruktur dan harta tanah yang dianggarkan bernilai \$10 bilion.

*Presiden George Bush*

Peristiwa 9/11 merupakan kejutan buat Amerika Syarikat khususnya kepada Presiden Bush yang baru sahaja menjawat jawatan secara rasmi pada 20 Januari yang lalu<sup>3</sup>. Bertitik tolak daripada insiden tersebut, pentadbiran Bush memutuskan bahawa tindakan bercorak ketenteraan amat diperlukan dalam usaha mereka memenuhi retorik ‘perang menentang keganasan’. Pada 6 Oktober 2001, Bush mengisyiharkan serangan penuh ke atas Afghanistan setelah mendapat kelulusan Kongres melalui resolusi yang disebut sebagai *Authorization for Use of Military Force Against Terrorists*<sup>4</sup> (Mann 2015: 61-66). Tindakan aggressif Bush dianggap sebagai serampang dua mata untuk memulihkan imej negara yang tercalar pada pandangan sekutu-sekutu mereka di samping bertujuan untuk menggulingkan kerajaan Taliban yang konservatif.

Di sebalik kerahan angkatan bersenjata ke Afghanistan, Bush pada peringkat domestik pula mengambil pendekatan drastik dengan melakukan penstrukturran semula terbesar dalam sejarah politik Amerika Syarikat (Andreas 2003: 92) melalui penggubalan Akta Keselamatan Dalam Negeri (2002) yang mana sebuah jawatan kuasa khas baharu diwujudkan iaitu Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Jabatan ini ditubuhkan bertujuan untuk membangun dan mengkoordinasi pelaksanaan strategi nasional secara komprehensif bagi menjamin keharmonian negara daripada sebarang bentuk ancaman atau serangan pengganas. Penubuhan jabatan ini memberi isyarat bahawa pentadbiran Bush begitu menitikberatkan aspek keselamatan negara, justeru, tidak keterlaluan untuk menghujahkan bahawa iaanya merupakan antara organisasi yang cukup signifikan ketika itu. Pada tahun fiskal 2017, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri merupakan kementerian yang menerima peruntukan ketiga terbesar dalam bajet tahunan Amerika Syarikat dengan jumlah hampir \$40.6 bilion. Jumlah penyaluran ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

**JADUAL 1. Ringkasan umum peruntukan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri**

	FY 2015	FY 2016	FY 2017	FY 2017
	Revised	Enacted	President's	+/- FY 2016
	Enacted		Budget	
	\$000	\$000	\$000	\$000
Total Budget Authority:	\$ 63,506,499	\$ 66,295,680	\$ 66,801,948	\$ 506,269
Less: Mandatory, Fee, and Trust Funds:	(12,874,263)	(13,083,458)	(14,555,664)	(1,472,206)
<b>Gross Discretionary Budget Authority:</b>	<b>50,632,236</b>	<b>53,212,222</b>	<b>52,246,284</b>	<b>(965,937)</b>
Less: Discretionary Offsetting Fees:	(3,899,863)	(4,040,389)	(4,965,808)	(925,419)
Net Discretionary Budget Authority	46,732,373	49,171,833	47,280,477	(1,891,356)
Less: FEMA Disaster Relief - Major	(6,437,793)	(6,712,953)	(6,709,000)	3,953
Disasters Cap Adjustment:				
<i>Less: Enacted Rescissions</i>	<i>(519,372)</i>	<i>(1,506,153)</i>	<i>-</i>	<i>1,506,153</i>
Adjusted Net Discretionary Budget Authority	39,775,208	40,952,727	40,571,477	(381,250)

Sumber: U.S. Department of Homeland Security 2017

Rangka kerja Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diperkuuhkan lagi dengan penggubalan undang-undang baharu, *Providing Appropriate Tools Required to Intercept and Obstruct Terrorism Act of 2001* atau Akta PATRIOT USA (2001) yang memberikan akses

penuh kepada pentadbiran Bush untuk mengadakan risikan dan intipan terhadap masyarakat Islam secara sulit melalui pengawasan suara, imbasan biometrik serta pemantauan telekomunikasi seperti e-mail, radio dan imej satelit (Banks 2004: 30). Badan Keselamatan Negara (NSA) antara agensi yang menerima manfaat melalui akta ini kerana berupaya untuk memantau pergerakan warganegara Amerika Syarikat atau individu dari seluruh dunia dengan cara mencari, mendapatkan dan berkongsi maklumat dengan badan perisikan yang lain seperti *Federal Bureau of Investigation* (FBI) dan *Central Intelligence Agency* (CIA) tanpa perlu mendapatkan waran atau perintah daripada mahkamah (Martin & Duignan 2003: 10-11).

Transformasi dalam kancah politik Amerika Syarikat yang dikonotasikan sebagai langkah '*protectionism*' membuktikan betapa kerajaan di bawah pentadbiran Presiden Bush begitu komited untuk memerangi keganasan di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Ironinya, golongan *anti-Federalists* merasakan tindakan mewujudkan kawalan negara ke atas masyarakat melalui pelaksanaan Akta PATRIOT USA (2001) dihujahkan tidak relevan kerana berpendapat kebebasan adalah hak mutlak manusia yang diperakui oleh perlombagaan dan terguna pakai ke atas semua penduduk Amerika Syarikat tanpa membezakan aspek fizikal, agama mahupun bahasa. Kebimbangan mereka adalah campur tangan negara terhadap kehidupan peribadi mampu membawa kepada satu bentuk pemuatan kuasa oleh kerajaan yang cuba untuk membentuk dan menstruktur masyarakat semata-mata untuk tujuan politik (Cohen & Wells 2004: 2).

Konklusi yang cuba dicapai berdasarkan perbincangan di atas jelas terarah kepada corak pentadbiran konservatif Presiden Bush yang masih mengamalkan pendekatan tradisional melalui penggunaan pasukan ketenteraan untuk menangani permasalahan nasional. Bush yang dikelilingi oleh kelompok neokonservatif seperti Paul Wolfowitz, Richard Perle dan Dick Cheney berjaya menjadikan sentimen Islamophobia sebagai retorik politik untuk membenarkan segala tindakannya memerangi keganasan yang dikambinghitamkan kepada agama Islam dan Muslim. Penggubalan dasar dan undang-undang negara merupakan kejayaan terbesar Bush dalam membentuk sebuah rejim autokratik yang bertujuan untuk menstruktur semula minda dan pemikiran masyarakat dengan cara mewujudkan persepsi negatif sehingga muncul stereotaip yang menghubungkaitkan Islam dengan elemen ekstremisme dan radikalisme.

#### *Presiden Barack Obama*

Kehadiran Barack Hussein Obama II sebagai presiden ke-44 Amerika Syarikat selepas pilihan raya pada bulan Disember 2008 telah menciptakan semacam tahap keyakinan yang tinggi untuk permulaan baharu khusus bagi rakyat Amerika dan masyarakat seluruh dunia. Kemunculan beliau selaku pemimpin utama dunia dihujahkan sebagai perkembangan positif buat persekitaran politik keseluruhan yang mana dua transisi penting dinantikan – pertama, penurunan dan penguncupan politik neokonservatif yang menyelubungi pentadbiran negara di bawah Presiden George Bush dan, kedua, janji bahawa presiden baharu akan memulihkan semula imej dan kredibiliti Amerika Syarikat yang begitu terjejas dalam arena antarabangsa. Dalam ucapan pembukaannya selepas menjawat jawatan secara rasmi, Obama dengan penuh keterujaan bercakap tentang prospek Amerika sebagai pemimpin dunia pada masa hadapan sekaligus membayangkan betapa kerajaan kali ini begitu berbeza sekali berbanding sebelumnya.

Perbincangan mengenai sikap dan corak pentadbiran Presiden Obama dimulakan dengan ucapannya pada bulan Jun 2009 ketika berada di Cairo, Mesir yang mendapat perhatian umum apabila beliau dengan lantang mengiktiraf kedudukan agama Islam di mata dunia. Keberanian ini disifatkan sebagai serampang dua mata untuk mendamaikan persengketaan antara Barat dan Islam sejak peristiwa serangan 9/11 di samping usaha untuk mengembalikan semula imej dan kredibiliti Amerika Syarikat yang terjejas akibat tersebarnya

perasaan anti-Islam. Selain itu, beliau menyatakan bahawa dunia tidak boleh melihat mana-mana Amerika atau Islam sebagai eksklusif kerana kedua-duanya berkongsi prinsip umum sejagat yang menjunjung martabat hak asasi manusia. Hal ini dijelaskan berdasarkan petikan “...*mutual interest and mutual respect...*” dalam ucapan tersebut yang menekankan tentang kepentingan kedua-dua negara memainkan peranan masing-masing untuk bekerja bersama-sama, dan bukannya bersaing atau bermusuhan antara satu sama lain (Mohideen 2010: 2).

Selanjutnya, ucapan Presiden Obama di Cairo tidak lagi disebutkan frasa seperti “*Islamic extremism*”, “*Islamic terrorism*” mahupun “*Islamic radicalism*” yang merujuk kepada Islam dan Muslim sebagai mana sering kali digunakan oleh pentadbiran Bush untuk mencipta stereotaip negatif. Sebaliknya, gelaran tersebut digantikan dengan istilah “*violent extremism*” yang dilihat cukup neutral bagi menjustifikasi kumpulan pengganas tanpa menghubungkaitkan mana-mana fahaman, ideologi, agama atau kepercayaan manusia dengan elemen ekstremisme dan radikalisme. Signifikasi tindakan ini adalah untuk memaparkan ketundukan pentadbiran Amerika Syarikat yang berusaha untuk mengendurkan perkembangan sentimen Islamophobia yang memuncak akibat manifestasi yang dicipta oleh pemimpin terdahulu. Pencapaian utama Presiden Obama adalah pengunduran pasukan ketenteraan dari Iraq pada Disember 2011 di samping perkembangan rundingan damai Israel-Palestin yang memasuki fasa seterusnya. Dalam konteks ini, tamatnya perang di Iraq tidak bermakna Amerika melupakan komitmen mereka dalam perang menentang keganasan khususnya untuk menghapuskan pengaruh al-Qaeda dan kumpulan pengganas yang lain. Sebaliknya, Obama mengambil pendekatan yang lebih lunak dengan mengukuhkan hegemoni di Timur Tengah supaya Amerika dapat mengumpulkan sekutu yang dapat membantu mereka untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Berbeza dengan pentadbiran ideologikal Bush yang begitu prejedis terhadap Islam, Presiden Obama sebaliknya mengambil langkah yang lebih sederhana dengan meraikan perbezaan agama dan kepercayaan dalam kalangan massa. Kewibawaan beliau dibuktikan melalui sokongannya terhadap projek pembinaan Pusat Islam Alhamra yang dijangka dibina di tengah bandar New York. Sokongan tersebut nyata mengundang kemarahan penduduk tempatan kerana menyentuh sensitiviti masyarakat khususnya buat anggota keluarga mangsa yang terlibat dalam serangan pengganas. Lokasi projek tersebut juga yang dikatakan terlalu hampir dengan kawasan *Ground Zero*, tapak serangan berlaku selain tempoh mula pembinaan dijalankan iaitu sejurus sebelum ulang tahun memperingati tragedi 9/11 diadakan mengeruhkan lagi keadaan. Pemilihan nama Alhamra turut dipersoalkan oleh puak penentang atas alasan nama tersebut seakan-akan membawa peringatan tentang penguasaan Islam di Eropah suatu masa dahulu (Elver 2012: 159).

Strategi politik Presiden Obama yang banyak mengaplikasikan pendekatan sederhana dan kaedah kuasa lunak dilihat semacam memberikan impak yang positif. Inisiatif beliau untuk meredakan politik ketakutan dan politik perkauman yang dicipta ketika pentadbiran Bush adalah signifikan untuk mengembalikan semula maruah Amerika Syarikat yang tercalar. Walaupun berhadapan dengan kritikan dan asakan daripada pelbagai pihak, Obama dilihat bijak menyusun langkahnya supaya usaha untuk mengendurkan ancaman ideologi radikal yang menyasarkan sentimen Islamophobia dapat dikurangkan. Secara tidak langsung, Obama bukan sahaja dapat menghubungkan kembali dunia Barat-Islam, tetapi juga dapat menstruktur semula pentadbiran negara daripada pemerintahan yang kental dengan ideologi neokonservatif kepada negara yang lebih demokratik.

#### *Presiden Donald Trump*

Meneruskan legasi pentadbiran George Bush dan Barack Obama, Presiden Donald Trump yang baharu sahaja dilantik telahpun mendedahkan corak dan gaya kepimpinannya kepada umum ketika mana beliau menjelaskan manifesto semasa kempen pilihan raya diadakan.

Menurut Trump, beliau bercadang untuk mengenakan sekatan terhadap umat Islam yang ingin berhijrah ke Amerika Syarikat, memansuhkan undang-undang pemberian kewarganegaraan kepada bayi asing yang dilahirkan di Amerika, membina tembok di sempadan untuk menghalang kemasukan warga asing terutamanya rakyat Mexico dan lain-lain sekiranya memegang tumpuk pemerintahan kelak. Seperti yang dijanjikan dalam manifestonya, Trump berjaya melaksanakan sekatan terhadap kemasukan umat Islam daripada tujuh buah negara iaitu Iran, Iraq, Libya, Somalia, Sudan, Syria dan Yaman selama beberapa hari sebelum dibatalkan oleh Kongres yang menolak undang-undang tersebut (Abed & Khaled 2017: 220-234).

Mempunyai karektor yang sinis, Presiden Trump boleh dihujahkan sebagai seorang nasionalis yang berfahaman neokonservatif sama seperti Presiden Bush. Dalam konteks ini, idea dan pemikiran beliau banyak tertumpu kepada usaha untuk memartabatkan bangsa Amerika dengan memandang rendah kepada bangsa-bangsa yang lain. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan slogan “*Make America Great Again*” dan “*American First*” yang menunjukkan beliau cuba untuk melakukan provokasi dengan cara mengagungkan-agungkan bangsa sendiri di samping memupuk elemen kebencian terhadap agama dan bangsa lain khususnya agama Islam. Sikap etnosentrisme dan ragu-ragu Presiden Trump terhadap Islam banyak dipengaruhi oleh elit politik tradisional seperti Steve Bannon, Michael Flynn dan Sebastian Gorka yang mempunyai hubungan rapat dengan Frank Gaffne yang mengetuai Pusat Dasar Keselamatan, sebuah kumpulan pemikir yang terkenal dengan propagandanya dalam mempromosikan agenda anti-Muslim (Patel & Levinson-Waldman 2017: 3).

Retorik anti-Islam yang digunakan oleh Presiden Trump sepanjang kempen pilihan raya menyaksikan jenayah berbentuk perkauman, diskriminasi dan kebencian semakin meningkat. Menurut *Federal Bureau of Investigation* (FBI), data semasa musim kempen presiden bermula pada tahun 2015 menunjukkan jumlah serangan terhadap umat Islam akibat sikap prejudis yang melampau melonjak kepada hampir 67 peratus – peningkatan tertinggi sejak peristiwa serangan pengganas 9/11. Satu laporan oleh *Council on American-Islamic Relations* pula mendapati bahawa tahun 2016 merekodkan jumlah yang paling buruk bagi insiden di mana masjid menjadi sasaran keganasan oleh ekstremis agama. Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 2017, jenayah-jenayah berbentuk kebencian terhadap umat Islam seperti serangan peribadi, vandalisme, pencerobohan ke atas rumah ibadat dan lain-lain meningkat sebanyak dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya (Patel & Levinson-Waldman 2017: 7).

Karektor Presiden Trump yang mendukung fahaman nasionalisme menyaksikan dasar dan keputusan yang diambil bersifat konservatif. Sikapnya yang prejudis dan secara terangan membenci kehadiran umat Islam mengakibatkan sentimen Islamophobia yang diredukan ketika pentadbiran Obama kembali disebarluaskan. Perkembangan ini sekaligus mengakibatkan stereotaip masyarakat yang memberikan persepsi negatif terhadap Islam dengan menghubungkaitkannya dengan elemen ekstremisme dan radikalisme semakin membarah. Walaupun kesedaran masyarakat mengenai isu keganasan yang diatasnamakan kepada Muslim meningkat, namun begitu, perkembangan naratif Islamophobia agak sukar dibendung memandangkan banyak gerakan konservatif di Amerika Syarikat muncul menyokong kepimpinan Trump.

#### *Implikasi Naratif Islamophobia*

Justifikasi yang digambarkan pada Islam menyaksikan diskriminasi kelas sosial berdasarkan perbezaan warna kulit, agama, bangsa dan perkauman diperdebatkan. Masyarakat mula melihat identiti sebagai faktor dominan dalam persekitaran awam dengan memberikan fokus kepada golongan Arab, warganegara yang berasal dari Timur Tengah dan imigran Asia. Stereotaip yang muncul disifatkan begitu mendalam apabila trend berpakaian melibatkan

serban, jubah, hijab dan niqab turut diragui selain pemantauan yang ketat terhadap pelaksanaan amal ibadah. Kenyataan ini berdasarkan laporan tentang serangan terhadap orang awam yang semakin meningkat, termasuk kes pembunuhan seorang Sikh yang ditembak mati kerana disalah anggap sebagai Muslim.

Di samping itu, perubahan sosial menyaksikan berlaku pergeseran dalam menentukan identiti perseorangan daripada seorang Asia yang homogen kepada seorang Muslim yang lebih spesifik. Pengenalan secara rawak ini menimbulkan persoalan tentang kebarangkalian stereotaip yang mungkin sudah mencapai tahap kritis. Pada masa yang sama, personaliti Asia bakal terpalit dengan retorik Islamophobia sekaligus mendedahkan mereka bukan sahaja kepada pengabaian, bahkan mungkin dipinggirkan dalam ruang sosiopolitik (Allen 2010: 8). Keadaan ini menyaksikan satu generalisasi umum tentang Muslim bakal tercipta lantas membawa lebih banyak kerumitan untuk membendung perkembangan sentimen Islamophobia di Amerika Syarikat.

Penolakan masyarakat terhadap Muslim di Amerika Syarikat semakin meningkat disebabkan sikap prejedis dan nilai kebencian yang disebarluaskan secara konsisten. Naratif Islamophobia sebagai retorik politik yang dikonstruksi untuk memberi persepsi negatif akhirnya memanifestasikan semangat anti-Islam. Pelaksanaan dasar oleh Presiden Amerika Syarikat sedikit sebanyak berjaya mencorak budaya politik masyarakat di samping menstruktur minda dan pemikiran mereka sebagai aparat untuk membenarkan segala tindakan kerajaan dalam ‘perang menentang keganasan’.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penulisan ini berhujah bahawa Islamophobia bukanlah satu-satunya faktor signifikan dalam politik kontemporari, bahkan impaknya dianggap tidak begitu mendalam untuk mempengaruhi dasar kepresidenan Amerika Syarikat. Islamophobia adalah sebuah naratif yang menjadi instrumen politik pihak pemerintah untuk mewujudkan perspektif negatif terhadap Islam. Namun, tiada bukti konkret yang berjaya ditemukan untuk menghubungkan Islam dengan aktiviti ekstremisme dan radikalisme. Hal ini menjelaskan sikap dan karektor seseorang penyandang kuasa juga mampu mempengaruhi perkembangan Islamophobia di Amerika Syarikat.

### Nota Kaki

1. Xenophobia adalah satu bentuk ketakutan atau kebencian yang mendalam terhadap orang asing yang berlainan agama, bangsa atau negara sehingga melahirkan sikap dan tingkah laku diskriminatif. Xenophobia berlaku disebabkan keimbangan melampau masyarakat yang takut kehilangan status dan identiti sosial, merasakan kehadiran orang asing sebagai satu bentuk ancaman yang nyata dan lain-lain. Untuk penjelasan lanjut lihat Solomon & Kosaka (2013: 5).
2. Etnosentrisme merujuk kepada pandangan atau sikap yang percaya bahawa golongan atau kebudayaan etnik sendiri lebih unggul daripada golongan atau kebudayaan etnik yang lain. Untuk penjelasan lanjut lihat Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 402).
3. Pada bulan pertama Presiden Bush memegang kuasa, organisasi perisikan negara berjaya memintas komunikasi yang mendakwa al-Qaeda sedang merancang satu serangan yang disasarkan ke atas mereka. Namun begitu, pegawai-pegawai perhubungan luar bertindak mengabaikan ancaman tersebut dan tidak meneliti maklumat yang diperoleh menyebabkan mereka tidak bersedia untuk menghadapi serangan berskala besar oleh pengganas pada 11 September 2001. Untuk penjelasan lanjut lihat Herring (2008: 939-941).

4. *Authorization for Use of Military Force Against Terrorists* (AUMF) adalah rang undang-undang awam 107-40 yang dikodkan pada 115 Perkara 224 dan diluluskan sebagai S. J. Res. 23 oleh Kongres yang memperuntukkan kuasa Angkatan Bersenjata Amerika Syarikat terhadap mereka yang bertanggungjawab ke atas serangan pada 11 September 2001 dan ‘pihak sekutunya’. Undang-undang ini memberikan Presiden mandat untuk menggunakan semua ‘kuasa yang diperlukan dan bersesuaian’ terhadap mereka yang ‘merancang, meluluskan, bersubahat atau membantu’ dalam serangan 9/11, atau mana-mana kumpulan mahupun organisasi yang melindungi pihak terbabit. AUMF ditandatangani oleh Presiden Bush pada 18 September 2001. Untuk penjelasan rujuk United States of America, Public Law 107-40 (2001).

## Rujukan

- Abed Ayoub & Khaled Beydoun. (2017). *Executive Disorder: The Muslim Ban, Emergency Advocacy, and the Fires Next Time*. Michigan Journal of Race and Law 22(2): 215-241
- Allen, C. (2010). *Islamophobia*. Farnham: Ashgate.
- Amnesty International. (2012). *Choice and Prejudice: Discrimination against Muslims in Europe*. London: Amnesty International.
- Andreas, P. (2003). Redrawing the Line: Borders and Security in the Twenty-First Century. *International Security* 28(2): 78-111.
- Banks, C. P. (2004). Protecting (or Destroying) Freedom through Law: The USA PATRIOT Act’s Constitutional Implications. Dlm. Cohen, D. B. & Wells, J. W. (pnyt.). *American National Security and Civil Liberties in an Era of Terrorism*. New York: Palgrave MacMillan.
- Cainkar, L. A. (2009). *Homeland Insecurity: The Arab-American and Muslim American Experience After 9/11*. New York: Russell Sage Foundation.
- Cohen, D. B. & Wells, J. W. 2004). *American National Security and Civil Liberties in an Era of Terrorism*. New York: Palgrave MacMillan
- Bruckner, P. (2015). Antisemitism and Islamophobia: The Inversion of the Debt. Dlm. Rosenfeld, A. H. (pnyt.). *Deciphering the New Antisemitism*. Indiana: Indiana University Press.
- Cesari, J. (2006). Securitization and Religious Divides in Europe: Muslims in Western Europe after 9/11 – Why the Term Islamophobia is More a Predicament than an Explanation. A Challenge Research Project funded by the European Commission.
- \_\_\_\_\_. 2010. Securitization of Islam in Europe. Dlm. Cesari, J. (pnyt.). *Muslims in the West after 9/11: Religion, Politics and Law*. New York: Routledge.
- Clark, T., Putnam, R. D. & Fieldhouse, E. (2010). *The Age of Obama: The Changing Place of Minorities in British and American Society*. Manchester: Manchester University Press.
- d'Appollonia, A. C. & Reich, S (pnyt.). (2010). *Managing Ethnic Diversity After 9/11: Integration, Security, and Civil Liberties in Transatlantic Perspective*. New Jersey: Rutgers University Press.
- Elver, H. (2012). Racialization of Islam Before and After 9/11: From Melting Pot to Islamophobia. *Transnational Law & Contemporary Problems* 21(1): 119-174.
- Esposito, J. L. & Kalin, I. (pnyt.). (2011). *Islamophobia: The Challenge of Pluralism in the 21st Century*. New York: Oxford University Press.
- Esposito, J. L. (2002). *What Everyone Needs to Know about Islam*. New York: Oxford University Press.
- Fink, S. (2014). Fear Under Construction: Islamophobia Within American Christian Zionism. *Islamophobia Studies Journal* 2(1): 26-43.

- Gottschalk, P. & Greenberg, G. (2008). *Islamophobia: Making Muslims the Enemy*. Lanham, MD: Rowman and Littlefield Publishers.
- Haja Mohideen. (2010). Obama's Cairo Speech: Reaching Out to the Muslim World. Paper presented at Second Conference of the Asia-Pacific Rim LSP and Professional Communication Association, Petaling Jaya.
- Helbling, M. (pnyt.). (2012). *Islamophobia in the West: Measuring and Explaining Individual Attitudes*. New York: Routledge.
- Herring, G. C. (2008). From Colony to Superpower: U.S. Foreign Relations Since 1776. Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mann, J. (2015). *George W. Bush, The American Presidents Series: The 43rd President, 2001-2009*. New York: Times Books.
- Martin, P. L. & Duignan, P. (2003). *Making and Remaking America: Immigration into the United States*. Stanford: Hoover Institution on War, Revolution, and Peace.
- Modood, T. (2003). Muslims and the Politics of Difference. *The Political Quarterly* 74(1): 100-115.
- National Commission on Terrorist Attacks upon the United States. (2010). *The 9/11 Commission Report: Final Report of the National Commission on Terrorist Attacks upon the United States*. New York: Cosimo Reports.
- Nazrul Islam. (2005). *Islam, 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions*. New Delhi: Viva Books.
- Ogan, C., Willnat, L., Pennington, R. & Bashir, M. (2014). The Rise of anti-Muslim Prejudice: Media and Islamophobia in Europe and the United States. *International Communication Gazette* 76(1): 27–46.
- Patel, F. & Levinson-Waldman, R. (2017). *The Islamophobic Administration*. New York: Brennan Center for Justice.
- Richardson, R. (2013). The Demonisation of Islam and Muslims: Concept, Terms and Distinction. Dlm. Petley, J. & Richardson. R. (pnyt.). *Pointing the Finger: Islam and Muslims in the British Media*. London: One World Publications.
- Smith, J. I. (2010). Islam in America. Dlm. Cesari, J. (pnyt.). *Muslims in the West after 9/11: Religion, Politics and Law*. New York: Routledge.
- Solomon, H. & Kosaka, H. (2013). Xenophobia in South Africa: Reflections, Narratives and Recommendations. *Southern African Peace and Security Studies* 2(2): 5-31.
- Spalding, M. (2011). *Why Does America Welcome Immigrants?* Washington, D.C.: The Heritage Foundation Leadership for America.
- United States of America. (2001). *Authorization for Use of Military Force Against Terrorists*. (Public Law 107-40).
- United States Department of Homeland Security. (2017). *Budget-in-Brief: Fiscal Year 2017*. Washington, D.C.: The White House.